



# Penggerak Kemajuan Saksama Selangor Kini

**PERCUMA** 6 - 13 Julai 2012, 16 - 23 Syaaban 1433

**Pasangan OKU terharu terima bantuan kerusi roda**

**muka 10**

**Dialog Bajet Selangor:  
Model air Kerajaan Negeri lebih realistik**

**muka 3**



## Fitnah isu Talam, MCA disaman

Oleh AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Tuduhan tidak berdasas MCA bahawa Kerajaan Negeri melakukan penyelewengan RM1 bilion berhubung isu Talam Corporation Bhd (Talam) menyebabkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) memutuskan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap parti itu.

Menyifatkan tuduhan bukan sahaja tidak benar, berat dan serius, malah Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, ia mencemar nama baik Kerajaan Negeri yang menyebabkan ke-putusan mengambil tindakan undang-undang ini.

"Kita akan faillkan saman tersebut dalam masa terdekat. Sehubungan itu, kita tidak akan membuat apa-apa ulasan buat masa ini demi untuk tidak mengganggu proses perundangan kelak," katanya dalam sidang media di Bangunan SUK di sini.

Abdul Khalid sekali lagi turut menegaskan akan membentangkan laporan penuh atau 'kertas putih' berhubung penstruktur semula hutang Talam ketika pembentangan Bajet Selangor 2013, dijangka November ini.

Katanya, kertas putih ini akan dijadikan salah satu laporan dalam Bajet 2013 untuk memudahkan orang ramai meneliti penyusunan hutang Talam. Usaha ini dilakukan kerana masih ada pihak yang tidak faham dengan proses penyusunan semula hutang Talam.

Mengulas dakwaan MCA bahawa Kerajaan Selangor menggunakan RM260 juta untuk menyelamatkan Talam, Menteri Besar berkata, beliau tidak faham mengapa angka itu berubah-ubah kerana sebelum ini MCA mendakwa jumlahnya RM1 bilion.

**lihat muka 5**



### Pelepasan kontinjen Sukma Selangor

Exco Adat Resam Melayu, Belia dan Sukan, Dr Yunus Hairi melepaskan kenderaan atlet kontinjen Selangor di pekarangan Hotel Charlton, Seksyen 13, Shah Alam, bagi menyertai Kejohanan Sukan Malaysia 2012 (SUKMA XV) yang akan berlangsung di Pahang pada 7 hingga 16 Julai ini

# Cetus krisis air untuk kaut untung

Oleh SHERIDAN MAHAVERA

**SHAH ALAM** - Dakwaan krisis air di Selangor sengaja digembar-gemburkan pihak yang ada kepentingan kewangan bagi mencetuskan kekhawatiran yang Selangor akan kekurangan air terawat dalam sedikit masa lagi.

Ini dedahkan pada sesi Dialog Bajet 2013 anjuran Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini oleh Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago, yang meneliti latar belakang pihak yang membuat dakwaan tersebut.

Manakala seorang pegawai Kerajaan Negeri yang membentangkan kertas kerja pada sesi dialog itu menunjukkan bahawa syarikat konsensi air tidak mengagihkan bekalan air terawat dari kesemua 34 loji di

dalam Selangor secara efektif.

Pendedahan tersebut mengukuhkan pendirian Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor selama ini bahawa industri air di Selangor harus distruktur semula secara holistik agar bekalan, pengedaran dan harga dapat dikawal untuk kebaikan pengguna.

Dalam pembentangannya, Charles mendekah bahawa Persatuan Air Kuala Lumpur-Selangor, (Swan) yang sejak kebelakangan ini mendakwa akan berlaku krisis air di Selangor, sebenarnya didalangi pegawai-pegawai tertinggi syarikat konsensi air Selangor (Syabas).

Mengikut jangkaan Swan, Selangor akan mengalami kekurangan bekalan air terawat jika Kerajaan Negeri masih berdegil dan

tidak meluluskan projek mega rawatan air Langat 2 yang diminta Syabas.

Charles menunjukkan bahawa barisan pemimpin tertinggi Swan adalah orang yang sama mengepalai Syabas.

"Mereka (Swan) adalah orang yang ada kepentingan di dalam Syabas dan projek Langat 2. Mereka mengadakan krisis kerana mahukan projek Langat 2."

"Jadi mereka bikin satu krisis untuk dapatkan kontrak. Ini bahaya," tegasnya.

Charles mencadangkan agar satu badan berkecuali harus dilantik bagi mengadakan auditor perinci untuk mengenal pasti bekalan sebenar air terawat di Selangor.

**lihat muka 5**

# Dialog bajet selami suara akar umbi

DIALOG Bajet Selangor 2013 yang dipelopori oleh Kerajaan Negeri diadakan bertujuan menyelami suara dan hasrat masyarakat akar umbi negeri itu.

Demikian menurut Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim ketika merasmikan dialog yang bertajuk ‘Selangor Peneraju Ekonomi Malaysia’.

“Tujuan dialog ini diadakan supaya kita dapat pandangan, penelitian dan beberapa isu daripada pemilik negeri iaitu rakyat, penjawat awam, ahli-ahli majlis, ketua-ketua kampung yang mana mereka sangat rapat dengan rakyat akar umbi.

“Mereka ini dapat membantikan isu-isu yang patut diberi penekanan dalam usaha mentadbir urus belanjawan Negeri Selangor,” ujar Abdul Khalid di ha-



Laporan oleh Ezli Mashut, Afeeqa Afeera, Nazli Ibrahim, Siraj Mohd Zaini & Norhayati Umor

dapan kira-kira 500 wakil masyarakat, agensi kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Abdul Khalid juga memberitahu, dialog bajet ini akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang dan menjadi sebagai sebahagian tradisi pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Menurutnya, bajet yang bakal dibentangkan nanti bukanlah bajet pilihan raya seperti mana

Mereka ini dapat membantikan isu-isu yang patut diberi penekanan dalam usaha mentadbir urus belanjawan Negeri Selangor

yang sering dilakukan oleh Kerajaan Pusat.

“Tiada isu bahawa bajet hanya tertumpu kepada pilihan raya sahaja sebab sesuatu belanjawan ini akan memberi kesan kepada belanjawan tahun-tahun seterusnya, sebagai contoh, pendidikan, ia perlukan usaha lebih

15 tahun,” katanya.

Tindakan Kerajaan Pusat yang kebelakangan ini mengumumkan beberapa bantuan untuk rakyat juga dianggap sebagai tindakan minit terakhir yang boleh dianggap terlewat.

Ini berbeza berbanding pendekatan kerajaan Selangor yang

melaksanakan agenda dalam program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang diatur sejak mula mengambil alih pentadbiran negeri ini.

Menteri Besar juga memberikan penekanan terhadap kepentingan perbincangan dua hala antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dalam menentukan hala tuju masyarakat negara ini.

“Kalau di Australia, kerajaan tempatan misalnya adakan perbincangan dengan Kerajaan Pusat, begitu juga di negara barat lain, tetapi ini sukar dilaksanakan di Malaysia,” ujarnya

Selain Menteri Besar, turut hadir dalam dialog dan bertindak sebagai moderator, termasuk Exco-Exco Kerajaan Negeri dan Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli.



## Teroka teknologi baru urus sisa pepejal

**PIHAK** Berkuasa Tempatan (PBT) disaran mengambil inisiatif meneroka teknologi baru dalam pengurusan sisa pepejal yang lebih efektif, mampan dan mesra alam.

Pengerusi Jawatankuasa Tapak Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Ronnie Liu (**gambar**) berkata, PBT boleh belajar pengurusan sisa pepejal dari negara luar seperti Australia dan German.

Negara berkenaan melaksanakan pengurusan yang lebih efektif dalam menangani masalah sampah melalui pendekatan penggunaan teknologi dan jentera yang mampu meningkatkan kecekapan pengurusan sisa pepejal.



“Selain itu, perlu ditekankan juga empat perkara penting dalam pengurusan kawalan kualiti, iaitu latihan teknikal kakitangan terlibat, mengenal pasti piawai teknikal yang digunakan, menggunakan pakai sistem pengurusan kualiti dan pengawalan kualiti bahan mentah,” katanya.

Jelas beliau, tahap kebersihan di negeri ini antara yang terbaik seraya menolak dakwaan sesetengah pihak bahawa Kerajaan Negeri gagal menangani isu kebersihan.

Namun usaha untuk menambah baik tahap kebersihan akan dipertingkatkan dari masa ke semasa dengan menerima maklum balas daripada pelbagai pihak.

“Kerajaan Negeri juga akan menggunakan teknologi baru dalam pengurusan tapak sisa pepejal yang mesra alam dan

pada kos yang munasabah.

“Kini di Selangor mempunyai kira-kira 100 buah lori kompaktor milik Kerajaan Negeri yang boleh disewa pada kadar RM6,500 sebulan, yang dikira rendah berbanding sewaan daripada pihak swasta,” jelas Ronnie.

Tambah Ronnie, pembinaan Loji Insinerator yang dijadangkan Kerajaan Pusat sebelum ini tidak sesuai dibangunkan di negara ini kerana kosnya terlalu tinggi serta menghasilkan pencemaran udara yang boleh memudaratkan masyarakat setempat.

Beliau merujuk kepada cadangan Kerajaan Pusat sebelum ini yang berhasrat membina Loji Insinerator di Bukit Broga yang mencecah kos RM1.5 bilion yang mendapat bantahan pelbagai pihak ekoran kos yang terlalu tinggi, jangka hayat loji yang rendah serta boleh menjejaskan kesihatan kepada masyarakat se-tempat.

“PBT juga perlu menghargai pekerja kontraktor pengurusan sampah dengan menjalinkan kerjasama erat dengan mereka, dengan mengadakan pertemuan secara berkala untuk mengukuhkan semangat bekerjasama satu pasukan,” kata Ronnie.

## ‘Road Gang’ kurangkan kos

CADANGAN mewujudkan ‘Road Gang’ dalam melaksanakan projek yang mampan serta penyelenggaraan jalan raya secara ‘In House’ (dalaman) dilihat mampu mengurangkan kos penyelenggaran.

‘Road Gang’ itu melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan awam yang dilaksanakan sendiri secara jabatan dengan mengambil kira pengurusan skop, kos, masa dan kualiti bagi mencapai hasil kerja berkualiti, cepat dan berpatutan dengan wang yang dilaburkan.

Jurutera Daerah Jabatan Kerajaan Raya (JKR) Kuala Selangor, Shukri Ishak dalam perbentanganannya menerangkan pengurangan kos itu diambil kira dari segi perbezaan penyelenggaraan oleh kontraktor dan pihak jabatan.

Katanya, kerja perlaksanaan ‘Patching’ di peringkat jabatan hanya akan menelan belanja sebanyak RM26.38 bagi satu meter persegi berbanding dengan perlaksanaan kontraktor sebanyak RM90.97 meter persegi

**Kerja perlaksanaan ‘Patching’ di peringkat jabatan hanya akan menelan belanja sebanyak RM26.38 bagi satu meter persegi berbanding dengan perlaksanaan kontraktor sebanyak RM90.97 meter persegi**

**SHUKRI ISHAK**  
Jurutera JKR K. Selangor

persegi berbanding dengan perlaksanaan kontraktor sebanyak RM90.97 meter persegi.

“Manakala bagi kerja-kerja membaharu muka yang dilakukan jabatan akan menelan belanja seba-nanyak RM200 per tan berbanding yang dilakukan kontraktor, iaitu sebanyak RM251.40 per tan,” katanya.

Beliau membentangkan kertas kerja ‘Pengurusan projek yang mampan menjamin pengimbangan kualiti, kos, skop dan masa di samping membudayakan penyelenggaraan jalan raya secara ‘in house’.

Jelasnya, tiga perkara utama yang perlu ada dalam perlaksanaan ‘Road Gang’ itu antaranya melibatkan sumber manusia, iaitu secara

teknikal dan bukan teknikal serta mesin dan peralatan selain keperluan bahan mentah.

“Ia penting bagi memastikan kerja-kerja yang akan dilakukan mengikut bidang kajian yang betul.

“Selain itu, perlu ditekankan juga empat perkara penting dalam pengurusan kawalan kualiti, iaitu latihan teknikal kakitangan terlibat, mengenal pasti piawai teknikal yang digunakan, menggunakan pakai sistem pengurusan kualiti dan pengawalan kualiti bahan mentah,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, bagi penubuhan ‘Road Gang’ itu, pihak jabatan perlu menyediakan peralatan mesin untuk kerja-kerja pembaikan dan pembinaan jalan kira-kira sebanyak RM3.2 juta.



**Barisan ahli panel (dari kiri) Charles Santiago, Nor Azmie Diron dan Presiden KDEB, Suhaimi Kamalzaman sewaktu membentang kertas kerja**

## Model air Kerajaan Negeri lebih realistik

MODEL holistik yang dicadangkan Kerajaan Negeri bagi penstrukturkan semula industri air di Selangor disifatkan sebagai penyelesaian terbaik kerana rawatan dan agihan air akan dilakukan sepenuhnya oleh pengendali tunggal.

Demikian ujar Timbalan Pengarah Seksyen Makro dan Penswastaan Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen), Nor Azmie Diron (**gambar**) semasa membentangkan kertas kerja berhubung Penyusunan Semula Industri Air di Selangor: Kaedah Penyelesaiannya di sini.

Menurutnya, pelaksanaan model holistik yang bersifat menyeluruh akan menyebabkan industri air di negeri ini lebih berkesan, malah berupaya mengurangkan kadar tarif.

Sebaliknya, cadangan Kerajaan Pusat yang hanya menawarkan struktur separuh holistik dijangka akan meningkatkan kadar tarif air di negeri ini.

"Melalui model ini, ke naikan tarif air hanya boleh dibuat tidak melebihi 12 peratus setiap tiga tahun. Keuntungan operasi juga adalah paling rendah, ia itu sekitar kosong hingga satu peratus."

"Ia juga akan memberi penjimat an kepada orang awam, malah sebarang keuntungan yang diperoleh boleh digunakan untuk menurunkan lagi tarif," ujarnya.

Tambahnya, sikap Syarikat Kon sesi Air Selangor (Syabas) juga berorientasikan keuntungan semata-mata sehingga membelakangkan ke pentingan rakyat.

Ia katanya, sama sekali berten-



tangan dengan pendekatan Kerajaan Negeri yang sentiasa memenuhi hak dan keadilan rakyat.

"Penswastaan air ini tidak berimbang kerana perjanjian konsesi yang diberikan kepada Syabas untuk menaikkan tarif air setiap tiga tahun adalah terlalu tinggi."

"Melalui perjanjian konsesi, Syabas dibenarkan untuk menaikkan tarif air sehingga 37 peratus. Kadar ini dijadualkan akan meningkat lebih tinggi pada masa akan datang, malah pengguna juga akan terus menerima kualiti perkhidmatan yang buruk," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago berkata, 'krisis air' di Selangor hanya momokan yang dicetuskan pihak-pihak tertentu seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi kepentingan mereka sendiri.

Pihak terbabit mendakwa Selangor berhadapan krisis air yang teruk jika Langat 2 tidak dilaksanakan dalam masa terdekat. Namun setelah diteliti, NGO itu didalangi pihak yang mempunyai kepentingan dalam projek Langat 2.



## 4 juta orang terima manfaat MES

LEBIH empat juta penduduk di Selangor menerima pelbagai manfaat secara langsung daripada Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang dilancarkan Kerajaan Negeri sebaik sahaja mengambil alih pentadbiran dari kerajaan Umno-BN.

D e m i k i a n ujar Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim ketika berucap di hadapan kira-kira hampir 500 peserta Dialog Bajet Selangor 2013 di sini.

**Jika dihitung satu isi rumah sekitar empat orang, itu bererti lebih empat juta orang penerima manfaat**

- **ABDUL KHALID**  
Menteri Besar Selangor

"Dalam konteks agihan ekonomi kekayaan negeri menerusi program MES, lebih 200 ribu orang penerima individu mendapat manfaat setiap tahun dan itu tidak termasuk penerima bekalan air percuma 20 meter padu yang mencapai 1.277 juta rumah.

"Jika dihitung satu isi rumah, sekitar empat orang, itu bererti lebih empat juta orang penerima memanfaat daripada program tersebut," kata Abdul Khalid dalam ma

jlis dialog bertajuk 'Selangor Peneraju Ekonomi Malaysia' yang diadakan di Hotel Grand Dorsett, Subang Jaya.

Beliau turut memberitahu, secara kasarnya, setakat April 2012, Kerajaan Negeri membelanjakan sehingga mencecah RM525 juta bagi memastikan rakyat negeri ini mendapat manfaat daripada pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor.

Menurutnya kejayaan Kerajaan Negeri meningkatkan ekonomi negeri dan menggihkan kekayaan kepada rakyat Selangor merupakan hasil usaha keras kakitangan awam negeri itu.

## Pensyarah: Umno-BN ke arah Malayan Union

CORAK Pentadbiran Umno-BN kini dilihat mencabuli semangat federalisme yang pernah dipraktikkan dahulu dan sudah hampir menyerupai Malayan Union.

Pensyarah Falsafah Sains Universiti Malaya, Dr Mohd Zuhdi Marzuki (**gambar**) berkata, ia merujuk kepada tin

dakan Kerajaan Pusat yang mencabulihakberperlembagaan negeri yang dilucutkan sejak kebelakangan ini.

"Kita boleh lihat beberapa hak Kerajaan Negeri yang dicampur tangan agak ketara seperti penubuhan Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung 'Persekutuan,'" katanya ketika membentangkan forum bertajuk 'Ke Arah Pen demokrasian Pilihan Raya di Malaysia: Mitos atau Realiti' di Dialog Bajet Selangor 2013 di Hotel Grand Dorsett Subang di sini.

Sebelum ini, gagasan Ma

layan Union ditentang Umno sendiri berikut mengamalkan dasar-dasar yang berat sebelah seperti British dapat menguasai pentadbiran di negeri-negeri Melayu dan merampas kuasa Raja-Raja Melayu ketika itu.

Sementara itu, dengan bertemakan 'Selangor Peneraju Ekonomi Malaysia', dialog berlangsung selama dua hari ini dapat menyediakan platform perbincangan di antara Kerajaan Negeri dan rakyat bagi membangunkan ekonomi Selangor.

Tujuan dialog ini adalah bagi mendapatkan input dan menetapkan dasar serta hala tuju Bajet Negeri Selangor Tahun 2013 ke arah menjadikan negeri ini sebuah ne

geri maju dan terus meneraju ekonomi Malaysia.

Zuhdi berkata, demokrasi bukan hanya pilihan raya tetapi terdapat empat elemen penting, iaitu pilihan kepimpinan, pembahagian kuasa, penyertaan rakyat dalam pembangunan serta memperkayakan rakyat yang bertamadun.

"Empat elemen ini merupakan asas kepada prinsip demokrasi yang perlu diamalkan oleh setiap negara mem bangun," katanya yang juga Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS Pusat.

Tambahnya, Kerajaan Negeri tidak perlu melakukan pemusatkan kuasa dan perlu membahagikan kuasa dengan bijak seperti memberikan kuasa tertentu kepada institusi masyarakat.



**Orang ramai hadir bagi mendapatkan input serta hala tuju dalam Bajet Negeri Selangor 2013**

## LRT Ampang: PKR dakwa George Kent gagal bidaan

KUALA LUMPUR - PKR mendakwa konsortium yang menang tender projek sambungan LRT Ampang, George Kent, sebenarnya tidak layak dari segi pengalaman teknikal mahupun kemampuan kewangan untuk projek bernilai RM960 juta itu.

Rafizi Ramli berkata, jurutera perunding Halcrow menunjukkan konsortium tersebut memperolehi markah rendah dalam penilaian teknikal dan gagal di dalam penilaian kewangan.

Penilaian tersebut dihantar ke Syarikat Prasarana Negara Sdn Bhd (SPNB) yang bertanggungjawab untuk mengendalikan projek tersebut.

"Konsortium berkenaan langsung tiada pengalaman dalam projek rel dan hanya pernah kendali projek bernilai RM40 juta.

"Sedangkan, tujuh pembida lain dalam tender berkenaan kesemuanya telah menyiapkan projek bernilai antara RM458 hingga RM5 bilion," dakwa Pengarah Strategi PKR itu dalam satu sidang media.

Mengikut dokumen yang diberikan kepada media, keputusan penilaian itu di dalam satu surat bertarikh September 2011 yang dihantar kepada Jawatankuasa Peroleh Menteri Kewangan (JPMK) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Surat tersebut dihantar Pengarah Urusan Kumpulan Prasarana, Datuk Shahril Mokhtar.

"Berdasarkan dokumen-dokumen ini terbuktilah George Kent tidak mempunyai apa-apa kemahiran, kepakaran atau pengalaman, kecuali hubungan baik antara

George Kent dan Perdana Menteri.

"Malangnya keputusan Perdana Menteri untuk campur tangan dengan membatalkan keputusan panel jawatankuasa penilai menggambarkan ketidak prihatinan beliau terhadap bahaya dan risiko keselamatan awam," tegasnya.

Laporan sebelum mendakwa Najib campur tangan dalam pemberian kontrak projek LRT Ampang kepada George Kent.

Manakala Rafizi mendakwa SPNB memaklumkan bahawa Konsortium PDA terpilih sebagai kontraktor terbaik bagi projek itu dalam satu surat bertarikh 22 Jun lalu.

Rafizi mendakwa tindakan itu mengesahkan Najib bertindak menukar keputusan SPNB dan menolak proses tender terbuka dalam projek mega yang melibatkan berbilion wang rakyat.

Sehubungan itu, Rafizi menerusi agar Najib Razak tampil menjelaskan sebab dan pertimbangan yang digunakan beliau sewaktu memberi keputusan menuggerahkan kerja-kerja tersebut kepada sebuah konsortium yang tidak layak.



## Projek IC musnahkan hak peribumi Sabah

KUALA LUMPUR - Pemberian kad pengenalan kepada warga asing mampu memusnahkan etnik asal peribumi Sabah hanya semata-mata untuk menyelamatkan hayat Umno-BN untuk terus berkuasa.

Menurut Ahli Parlimen Kota Kinabalu, Dr Hiew King Ceu, pemberian kad pengenalan (IC) kepada warga asing akan menjadikan masyarakat asal peribumi Sabah seperti Kadazan menjadi etnik minoriti di bumi sendiri pada masa akan datang.

Ketika ditemuramah dalam program Fokus Isu terbitan TV Selangor, beliau

mengakui masalah pemberian kad pengenalan ini sudah berlarutan sejak sekian lama dan mengecewakan rakyat Sabah, namun sehingga kini Kerajaan Pusat masih tidak melakukan sebarang siasatan berhubung perkara ini.

Apa yang penting katanya, Umno-BN menggunakan kaedah ini semata-mata untuk mendapatkan undi rakyat, walaupun rakyat Sabah masih kekal dengan kemiskinan dan infrastruktur yang tidak sehebat di Semenanjung Malaysia.

"Impak pemberian kad pengenalan ini

sangat besar. Kerajaan tidak mengawal kemasukan mereka (pendatang asing) ke Sabah.

"Memang ada orang yang bawa mereka masuk untuk kerja dan memberikan kad pengenalan. Mereka mahu orang ini bekerja di Sabah dan paling penting adalah undi."

"Undi ini untuk mempertahankan Kerajaan. Kesempatan ini juga diambil pihak lain untuk mendapatkan keuntungan misalnya satu kad pengen-



**Dr Hiew King Ceu**

an bernilai RM2,000," katanya.

Jelas beliau, pemberian kad pengenalan ini turut dimanfaatkan oleh beberapa pihak untuk mengaut keuntungan hasil daripada 'penjualan' kad pengenalan kepada warga asing.

Menurutnya lagi, perkara ini sudah lama berlangsung rancak termasuk tangkapan terbaru di Tawau yang melibatkan 18 individu termasuk pegawai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

## Bebaskan anak saya - ayah tahanan ISA



**Sampai bila Kerajaan Pusat ingin mempermudah isu ISA dan membiarkan mangsa tahanan terus disejka**

oleh MOHD EZLI MASHUT

KUALA LUMPUR - Perhimpuan membantah tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di depan bangunan parlimen minggu lalu menyaksikan ayah seorang mangsa merintih meminta anaknya Fadulah Razak dibebaskan segera.

Menurut Razak Mohd, beliau dimaklumkan anaknya ditahan kerana mengancam keselamatan negara dan dinafikan hak untuk membela diri di mahkamah.

Perhimpunan disertai lebih kurang 50 wakil dari pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan turut kelihatan beberapa Ahli Parlimen Pakatan Rakyat (PR) iaitu Datuk Mahfuz Omar dan Tian Chua.

Ia bertujuan mendesak kerajaan membebaskan tahanan ISA yang bertindak mogok lapar dengan segera ekoran tahap kesihatan tahanan semakin merosot.

Razak ketika ditemui menggesa pihak kerajaan perlu me-

ngambil serius perkara ini dengan tidak menyembunyikan fakta sebenar.

"Orang hanya tahu bahawa ISA sudah dimansuhkan tetapi kenapa ada tahanan lagi, ini seolah-olah pihak kerajaan hanya untuk mengaburi mata masyarakat yang hanya untuk pilihan raya," kata Razak.

Tambah Razak lagi, beliau mendesak pihak Kem Tahanan Kamunting (Kemta) agar mem-

**Orang hanya tahu bahawa ISA sudah dimansuhkan tetapi kenapa ada tahanan lagi, ini seolah-olah pihak kerajaan hanya untuk mengaburi mata masyarakat yang hanya untuk pilihan raya**

**- RAZAK MOHD  
Ayah Mangsa**

beri penjelasan sebab anaknya dikurung sejak ditahan pada 2010.

"Saya pernah cuba untuk menghubungi pihak Kemta, tetapi seolah-olah mereka tahu saya yang menghubungi dan ia tidak berjawab," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar berkata Pakatan Rakyat mendorong pihak kerajaan untuk mengeluarkan senarai penuh tahanan yang belum dan sudah dibebaskan pada kadar segera.

"Kita mahu pihak kerajaan konsisten dalam pemansuhan ISA. Perdana Menteri wajib menjawab perkara ini dengan tindakan mogok lapar oleh tahanan ISA kepada pihak keluaraga," kata Izzah.

Dalam pada itu pihak Sekretariat Gerakan Mansuhkan ISA (GMI), Syukri Razak berkata, pihak Menteri Dalam Negeri disarankan memberi jaminan bahawa tahanan yang melancarkan mogok lapar tidak akan dikenakan sebarang tindakan.

# Faekah: Lapor polis isu vandalisme

**SABAK BERNAM** - Pihak Berkusa Tempatan (PBT) dan Ahli Majlis diminta membuat laporan polis sekiranya menerima aduan papan iklan Kerajaan Negeri diconteng atau dirosakkan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Setiausaha Politik kepada Menteri Besar, Faekah Husin berkata, laporan itu bagi membolehkan polis menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak tidak ber-moral seperti ini.

Beliau berkata, laporan ini juga menunjukkan iltizam yang tinggi di kalangan ahli PBT untuk menjaga harta benda awam.

"Umum mengetahui bahawa kos untuk membina dan memasang papan tanda ini ada-

lah tinggi dan perbelanjaannya adalah hasil cukai yang dibayar rakyat," katanya.

Sehubungan itu, sebagai langkah persediaan, setiap PBT boleh menukuhan pasukan pemantau atau menyediakan kamera litar tertutup bagi mengawasi jenayah vandalisme ini.

Faekah berkata demikian sebagai respons kepada aduan yang dilaporkan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) berhubung insiden papan iklan Selangorku di Simpang Tiga Loji, Sungai Limau di sini yang ditulis dengan perkataan tidak sepatutnya.

Sementara itu, Setiausaha MDSB, Hazril Hakim ketika dihubungi mengesahkan kejadian tersebut.

Katanya, beliau menerima



**TIDAK BERMORAL...**  
Pihak berkusa sedang memadam papan tanda yang diconteng

aduan daripada Yang Dipertuaun MDSB pada 1 Julai lalu dan mendapat memang terdapat kontengen di atas papan iklan

berkenaan.

Bagaimanapun katanya, unit penguatkuasa MDSB mengambil tindakan segera dengan membersihkan papan iklan berkenaan pada 2 Julai lepas.

"Kita akan buat pemantauan dari semasa ke semasa dan menggalakkan orang ramai untuk mengemukakan aduan pada pihak majlis sekiranya didapati berlaku lagi perkara tidak

bertanggungjawab seperti ini," ujarnya.

Sebelum ini, empat buah papan iklan milik Kerajaan Negeri dan Adun di Kuala Langat disimbah cat dipercayai dilakukan pihak tidak bertanggung-jawab.

Susulan kejadian itu, Kerajaan Negeri menggantikan visual baru tetapi tidak sampai seminggu, kejadian sama berulang.

## dari muka depan

### Logi air mampu tampung permintaan

Sementara itu, pegawai dari Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upen) Nor Azmie Diron menjelaskan dua loji rawatan air yang terletak di bahagian utara iaitu Sungai Selangor Fasa 3 (Badong) dan Sungai Selangor Fasa 4 (Rasa) tidak digunakan dengan sepenuhnya.

Manakala loji Semenyih, Langat 1, Sungai Selangor Fasa 1 dan Fasa 2 beroperasi pada kapasiti yang maxima.

"Air yang dikeluarkan di utara yang dikeluarkan oleh Badong dan Rasa tidak dapat dibawa ke tempat yang permin-

taannya tinggi di selatan seperti Hulu Langat, Sepang dan Kuala Lumpur.

"Ini kerana tidak ada connectivity (sambungan) antara loji-loji tersebut," Nor Azmie berkata pada sesi forum air Dialog Bajet 2013 Selangor pada 3 Julai lalu.

Nor Azmie merupakan Timbalan Pengarah Seksyen Makro dan Penswastaan Upen menjelaskan, Loji Badang dan Rasa juga mampu menampung permintaan yang lebih kerana beroperasi kurang daripada tahap maxima.

### MCA tidak faham proses

"Ini menunjukkan MCA tidak faham dengan proses penyusunan semula hutang ini. Mungkin kita perlukan rakan kita daripada DAP mengajar MCA tentang cara-cara penyusunan hutang ini dilakukan," katanya.

Kelmarin, Ketua Biro Profesional Muda MCA, Datuk Chua Tee Yong mendakwa kononnya Kerajaan Negeri Selangor menggunakan sejumlah wang

untuk menyelamatkan syarikat pembinaan Talam.

Namun, pada hari sama Tee Yong turut menyatakan bahawa Selangor menggunakan lebih RM260 juta untuk menyelamatkan syarikat itu melalui proses perakaunan rumit.

Beliau mendakwa, Pakatan Rakyat (PR) tidak menjelaskan perkara sebenar berhubung usaha memungut hutang melibatkan Talam sebelum ini.

# Bukit Botak: Umno sabotaj cuba rampas kejayaan PR

Oleh NAZLI IBRAHIM

**KAJANG** - Gara-gara dengki dengan kejayaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor menyelesaikan masalah Projek Perumahan Bukit Botak, pemimpin Umno Selangor sekali cuba merampas kejayaan tersebut dengan menawarkan harga yang tidak munasabah kepada peserta skim itu.

Menurut Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Settingan, Iskandar Samad, Adun dari Umno Selangor sekarang berlumba-lumba untuk menon-

jolkan diri sebagai wira bagi menyelesaikan apa yang mereka gagal selesaikan selama lebih 20 tahun.

"Apa yang saya tahu, ada Adun Umno tawarkan harga antara RM60 ribu hingga RM70 ribu. Lepas tu ada lagi seorang lagi Adun Umno menawarkan RM42 ribu.

"Saya bimbang nanti ada pula YB Umno yang tawarkan harga RM10 ribu pula, jadi macam sarkis.

"Ini bukannya jual beli ikan, tetapi melibatkan berjuta-juta ringgit, lagipun harga yang

kita tawarkan jauh lebih rendah dari harga sebenar," kata Iskandar ketika ditemui selepas Majlis Dialog Bersama Penduduk Pangaspuri Anggerik di sini baru-baru ini.

Masalah Projek Perumahan Bukit Botak yang lebih 20 tahun terbengkalai dan gagal diselesaikan pentadbiran Umno-BN yang lama akhirnya berjaya diselesaikan dalam tempoh kurang lima tahun setelah PR menerajui Selangor.

Kerajaan Selangor menawarkan harga RM99,000 kepada peneroa asal kawasan ini dan jauh lebih rendah berbanding harga sebenar yang mencecah lebih RM160,000.

Pengurangan harga dibayar subsidi sebanyak RM79.6 juta oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Iskandar turut mengingatkan pembeli unit kediaman Projek Perumahan Bukit Botak agar tidak termakan dengan tawaran palsu Umno.

"Bila kita berjaya selesaikan dalam masa tak sampai lima tahun pentadbiran Pakatan Rakyat, mereka tawarkan macam-macam pula," ujarnya lagi.



**SELESA...** setelah lebih 20 tahun terbengkalai, kini Projek Bukit Botak diselesaikan Kerajaan Negeri

# Penyanyi antara penerima geran di Kampung Melayu Subang

Menteri Besar menyeraikan geran kepada Che Nah Salleh, yang membuat permohonan sejak zaman Umno-BN lagi



## Terharu sehingga tidak tidur malam

**AMPANG** - Setelah 18 tahun turun naik pejabat tanah dan gagal mendapat geran, S Ravindran, 57, seakan tidak percaya apabila dokumen borang 5A berada dalam tangan.

"Pada mulanya memang saya tidak percaya, saya fikir semua itu sekadar janji-janji politik sahaja dan tidak bermakna apa-apa pada rakyat biasa macam saya."

"Jadi apabila diberitahu dua minggu lepas bahawa saya akan terima geran, saya anggap ini hanya janji-janji kosong."

"Perasaan terharu serta gembira sememangnya



Orang ramai yang hadir pada majlis penyerahan tersebut

tidak dapat digambarkan dengan kata-kata sehingga semalam tidak dapat lelapkan mata," ujar Ravindran dari Kampung Tasek Permai.

Beliau yang hilang kakinya dalam satu kemalangan, menduduki tapak rumahnya selama lebih 30 tahun.

S Ravindran antara 66 orang yang menerima borang 5A daripada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dalam satu Majlis Pemberian Hak Milik Persendirian di DUN Lembah Jaya, manakala 72 orang lagi menerima dokumen geran tanah.

Sementara itu, Abdul Khalid dalam ucapannya berkata, kera-

jaan Selangor sentiasa komited untuk menyelesaikan isu permohonan hak milik tanah yang berlarutan sejauh ini sejak era Umno-BN.

"Jika dahulu, kebanyakannya pemberian tanah tidak dibuat secara telus, antaranya kerana mengutamakan kawan rapat atau sanak saudara."

"Sebaliknya, Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) memberi hak kepada rakyat tanpa mengira peranggan politik," kata beliau.

Selain penghuni Kampung Tasek Permai, kampung lain yang terlibat dalam majlis tersebut ialah Kampung Ampang Indah, Ampang Campuran dan Kampung Sungai Puteh.



S Ravindran gembira dengan geran yang diterima

Oleh HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Penyanyi Pop Yeh Yeh, Datuk Jefrydeen Imbrom Soekaman (**gambar**), adalah antara 20 penerima surat hak milik tanah daripada Kerajaan Selangor di Kampung Melayu Subang Tambahan di sini, baru-baru ini.

Beliau yang menetap di kampung tersebut sejak 1996 mengucapkan rasa syukur kerana impianinya untuk memiliki tanah yang diduduki akhirnya tercapai.

"Saya rasa syukur dan gembira selepas menunggu lebih 10 tahun dan kini akhirnya ia menjadi kenyataan."

Terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang prihatin akan masalah ini serta meluluskan permohonan saya.

Sebelum ini saya pernah memohon beberapa kali sejak 1999 tetapi gagal," kata penyanyi 65 tahun yang popular dengan lagu 'Kenanganku' itu.

Beliau ditemui selepas Majlis Penyerahan Surat Hakmilik Tanah Penduduk kampung tersebut.

Majlis penyerahan itu disempurnakan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan dihadiri Exco Selangor, Iskandar Abdul Samad dan Rodriguez Ismail, serta Adun Kota Damansara, Dr Mohd Nasir Hashim.

Seorang lagi penerima, Che Nah Salleh, 60, berkata, pemberian hak milik itu adalah bukti Kerajaan Negeri amat mengambil berat akan kebijaksanaan.



**Saya rasa bersyukur dan gembira selepas menunggu lebih 10 tahun dan kini akhirnya menjadi kenyataan**

- DATUK JEFRYDEEN  
Penerima geran

an rakyat di Selangor.

Pesara kakinan kerajaan itu pernah membuat permohonan hak milik pada zaman pentadbiran Umno-BN tetapi keputusannya menghamparkan.

"Selepas 2008 barulah segalanya berubah dan akhirnya masalah ini dapat diselesaikan. Memang saya gembira dengan anugerah ini," kata ibu tunggal lima anak yang kematian suami pada 1981 itu.

Sementara itu, Abdul Khalid berkata, Kerajaan Negeri mendapati masih ramai penduduk di sesuatu kawasan penempatan di Selangor yang masih tidak dapat hak milik.

Ini kerana mereka adalah terdiri daripada penduduk yang mendiami kawasan perumahan tersebut dalam tempoh yang lama.

"Oleh sebab itu Kerajaan Negeri minta Pegawai Daerah dan Pejabat Tanah untuk selesaikan masalah ini."

"Walaupun masanya agak lama untuk selesai, iaitu lebih dari setahun, tetapi saya rasa bila sudah diselesaikan, ia memberikan ketentuan (hak) kepada pemiliknya," kata beliau.

**Selangor Kini**

**SIDANG PENGARANG**

**PENASIHAT:** Faekah Husin

Arfa'eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Sheridan Mahavera Mohd Shakir **PENGARANG BERITA:** Najib Hashim

**PENOLONG PENGARANG BERITA:** Mohd Ezli Mashut **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afiz Redzuan: afizredzwan@gmail.com, Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com

com, Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Norhayati Umor: chayunkatt@gmail.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Arif Ramly & Shuaib Ayob

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB, Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,

No 1, Persiaran, Akuitati 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel: 03-5523 4856 Faks: 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com



**BANTUAN...** Kerajaan Negeri sentiasa peka masalah rakyat berpendapatan rendah

# Skim bantuan tadika sudah boleh dipohon

Oleh NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Ibu bapa di Selangor yang berpendapatan rendah kini boleh memohon Skim Bantuan Tadika Selangor (Tunas) bagi menghantar anak mereka ke tadika.

Demikian menurut Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali, ketika melancarkan Skim Tunas di Shah Alam Convention Centre (SACC), di sini.

"Bagaimanapun bantuan skim ini tidak melibatkan bayaran tunai kepada penerima, sebaliknya ia akan dibayar terus kepada sekolah tadika terlibat."

Tambah beliau, sekolah tadika yang ingin mengikuti skim ini hendaklah berdaftar dengan Majlis Permuafakatan Tadika Selangor (MPTS), sebuah badan bertindak mengawal selia piawaian sekolah-sekolah tadika seluruh Selangor.

"Kerajaan negeri juga buka kepada Tadika Perpaduan dan Kemas, tetapi mereka enggan daftar untuk serta program ini."

"Jadi, yang ada pihak kata kami tak telus dan sebagainya itu tak betul. Sebenarnya mereka sendiri yang enggan ke-rana berfikiran politik sempit. Akhirnya ibu bapa yang anaknya bersekolah di Kemas dan Perpaduan jadi mangsa, tidak dapat menikmati skim ini," katanya lagi.

Menurut Dr Halimah, skim tersebut mendapat peruntukan sebanyak RM1.016 juta dari Geran Selangorku bagi

tahun 2012, bertujuan meringankan bebanan keluarga berpendapatan kurang RM1,500 sebulan.

"Bagi tahun hadapan, peruntukan untuk Skim Tunas diteruskan dan dimasukan di dalam belanjawan berimbang 2013 nanti," kata Dr Halimah.

Satu 'road show' juga akan diadakan dalam jangkamasa terdekat bagi memberi penerangan tentang skim ini kepada rakyat Selangor bermula di DUN yang paling banyak keluarga berada di bawah paras kemiskinan.

Sewaktu 'Road show' itu juga nanti akan memaparkan tadika-tadika yang telah menyertai skim tersebut.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman, Penggerusi Majlis Permuafakatan Tadika Selangor, Dr Supian Hussein dan penyelaras-penyelaras DUN.

## INFO PERTANYAAN SKIM TUNAS

- Borang permohonan skim TUNAS boleh didapati di Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB) di Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, Jalan Indah, Seksyen 14, Shah Alam. Tel: 03-5510 3468 dan 03-5510 3472.

**ATAU**

di pejabat pejabat Pusat Khidmat Masyarakat DUN dalam jangka masa terdekat

## MENCORAK MASYARAKAT

**unisel**  
UNIVERSITI SELANGOR



Permohonan dalam talian: [apply.unisel.edu.my](http://apply.unisel.edu.my)

### PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA

- Kejuruteraan Mekanikal [KPT/JPS/(R)521/4/001/9]/01/16]
- Kejuruteraan Mekatronik [KPT/JPS/(R)521/4/002/0]/01/16]
- Kejuruteraan Elektrik dan Eletronik [KPT/JPS/(R)521/4/006/1]/01/16]
- Pengurusan Perniagaan [KPT/JPS/(R)11334]/06/13]
- Pengurusan Pentadbiran [KPT/JPS/(R)345/4/011/6]/10/16]
- Perakaunan [KPT/JPS/(R)11335]/01/15]
- Teknologi Maklumat [KPT/JPS/(R)11336]/04/15]
- Pengkomputeran Industri [KPT/JPS/(R)481/4/004/3]/05/14]
- Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua [KPT/JPS/(R)145/4/002/1]/02/17]
- Industri Multimedia [KPT/JPS/(R)213/4/001/2]/05/14]
- Kesihatan Persekutuan [KPT/JPS/(R)842/4/004]/05/14]
- Teknologi Makmal Perubatan [KPT/JPS/(R)725/4/001]/07/14]
- Kejururawatan [KPT/JPS/(KA713]/11/15]
- Fisioterapi [KPT/JPS/(R)726/4/007]/07/14]
- Seni Reka Grafik Digital [KPT/JPS/(R)213/6/007]/05/14]
- Komunikasi dan Media [KPT/JPS/(R)321/4/0009]/13/14]
- Teknologi Industri [KPT/JPS/(KA884)/06/13]

### PROGRAM PENGAJIAN SARJANA MUDA

- Kejuruteraan Mekanikal [KPT/JPS/(KA848]/09/12]
- Kejuruteraan Elektrik [KPT/JPS/(KA849]/09/12]
- Perakaunan [KPT/JPS/(KA10448]/07/14]
- Kewangan [KPT/JPS/(KA10584]/07/14]
- Pengurusan Perniagaan [KPT/JPS/(KA1478]/10/15]
- Pengurusan Industri [KPT/JPS/(R)345/6/0115]/10/16]
- Pengurusan Sumber Manusia [KPT/JPS/(KA911]/10/12]
- Teknologi Maklumat [KPT/JPS/(R)482/6/009]/08/14]
- Sains Teknologi Maklumat dengan Pengurusan Rantauan Bekalan [KPT/JPS/(R)481/6/0188]/05/17]
- Sains Komputer [KPT/JPS/(KA1778]/12/15]
- Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) [KPT/JPS/(KA1779]/10/15]
- Psikologi Industri [KPT/JPS/(KA7809]/01/13]
- Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) [KPT/JPS/(R)145/001]/08/16]
- Sains Perpustakaan [KPT/JPS/(R)322/6/0002]/07/14]
- Sains Matematik dengan Statistik [KPT/JPS/(R)461/6/0001]/11/16]
- Teknologi Maklumat (Pengurusan Pengetahuan) [KPT/JPS/(KA787]/09/12]
- Sains Teknologi Maklumat dengan Pengurusan Rantauan Bekalan [KPT/JPS/(R)481/6/0188]/05/17]
- Industri Bioteknologi [KPT/JPS/(KA8926]/06/13]
- Bioinformatik [KPT/JPS/(KA10587]/04/14]
- Sains Persekitaran (Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan) [KPT/JPS/(KA9847]/12/14]
- Seni Reka Grafik Digital [KPT/JPS/(R)213/4/0007]/06/14]
- Kewarawanan [KPT/JPS/(KA8960]/06/13]
- Komunikasi Korporat [KPT/JPS/(KA8961]/09/13]
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak [KPT/JPS/(KA4316/0022]/01/17]
- Industri Multimedia [KPT/JPS/(R)213/4/0063]/05/17]

### PROGRAM PENGAJIAN SARJANA

- Kejuruteraan [KPT/JPS/(KA8944]/10/13]
- Pembudayaan Perniagaan [KPT/JPS/(KA0279]/08/14]
- Pendidikan (Pengurusan Disiplin) [KPT/JPS/(R)145/7/0005]/12/14
- Pengurusan Sosial [KPT/JPS/(KA8559]/01/13]
- Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) [KPT/JPS/(R)461/7/0187]/05/17]
- Pendidikan (Pengurusan Ko-kurikulum dan Sukan) [KPT/JPS/(R)145/7/0003]/07/17
- Sains (Bioteknologi) [KPT/JPS/(KA10588]/06/14]
- Teknologi Maklumat [KPT/JPS/(R)481/7/0186]/07/17]

### PROGRAM PENGAJIAN DOKTOR FALSAFAH

- Pendidikan [KPT/JPS/(R)140/8/0001]/01/15]
- Doktor Pendidikan [KPT/JPS/(R)140/8/0005]/03/17]
- Sains Sosial [KPT/JPS/(KA8788]/09/13]
- Kejuruteraan [KPT/JPS/(KA8953]/10/13]

## Program Kembara JOM MASUK UNISEL

Carrefour  
Klang

6 - 8 Julai 2012  
(9.30pg - 9.30 mln)

Carrefour  
Puchong

6 - 8 Julai 2012  
(9.30 pg - 9.30 mln)

The Store  
Semenyih

8 Julai 2012  
(10.00pg - 6.00 plg)

Maklumat lanjut, hubungi:

+603-5522 3435/3436/3535/3575

admission@unisel.edu.my

Borang Permohonan (Pengambilan Julai 2012)

Nama : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

No. K/P : \_\_\_\_\_ No. Tel : \_\_\_\_\_ E-mel : \_\_\_\_\_

Program: 1/  
dipohon 2/

(Sila sertakan salinan sijil akademik yang berkaitan)

Rantaukan ke : Pejabat Pendaftaran dan Kemusafah Universiti Selangor | JALAN ZECON A.7/A, SEKSYEN 7, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR | FAX: 03-5522 3541 / 03-5510 9277



**JUARA...**  
Pasukan lelaki KLCC United dan pasukan perempuan KPJ-REM FC, menjuarai Kejohanan Futsal Piala Dato' YDP MPSJ 2012, sempena Sambutan Hari Perbandaran Ke-15 MPSJ. Kejohanan yang dianjurkan MPSJ dengan kerjasama Focus Arena Sports and Events berlangsung di Sports Planet Subang Grand, Subang Jaya



▲ Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang dengan Kerjasama Pusat Komuniti wanita (PKW) Hulu Kelang, menganjurkan kursus membuat apam polkadot yang diadakan di Dewan Orang ramai Kampung Kemensah.



▲ SENAM SIHAT... karnival sambutan Bandaraya Petaling Jaya sempena Ulangtaun ke 6 Bandaraya tersebut. Program berlangsung di Tasik Bandaran Kelana Jaya



▲ Kanak-kanak ini menunggu giliran untuk membaca sewaktu program '15 minutes Break Reading' di Pengkalan Batu Klang

Adun Kota Alam Shah, M Manoharan memberikan bantuan kepada 7 buah sekolah yang dilanda banjir 30 Mei lalu. Guru dari Sekolah Teknik Klang, menerima bantuan tersebut mewakili sekolah-sekolah yang lain



▲ Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar, memberi sesebuah dua kata sebelum menyertai Ahli Kelab Berbasikal Kajang Utama berkelah di kawasan rekreasi Wetland Putrajaya



▲ Datuk Bandar Shah Alam bergambar kenangan bersama Juara Pertandingan Memasak Antara Parcel, sewaktu Program Hari Zon Bersih di Jalan kurung 10/4, Seksyen 10, Shah Alam



**MENANG...**  
Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, bersama peserta-peserta yang menjuarai pertandingan badminton Piala Foo Kok Keong di Kelab Shah Alam, Seksyen 13. Kehilangan di gambar, mantan pemain badminton negara, Foo Kok Keong (tiga dari kiri) dan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Jaafar Atan (empat dari kiri)



▲ RIANG... murid-murid Pusat Perkembangan Minda Kanak-kanak (PPMK) seronok bermian dengan maskot Upin sewaktu program Hari Terbuka pusat tersebut. Ramai ibu bapa yang hadir bagi menandatangani kad kemajuan anak masing-masing

## Pasangan OKU terharu terima bantuan kerusi roda

LIM Eng Biow, 64, dan isteri Hong Siew, 62, terharu apabila Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Taman Templer, Mohamad Abd Rahman menyerahkan bantuan kerusi roda.

Eng Biow yang kudung kaki kirinya akibat terlibat dalam kemalangan jalan raya pada tahun 1999 itu memberitahu Selangor Kini, pemberian itu amat bermakna kepada beliau.

"Dahulu saya kerja memandu lori tanah, tetapi berlaku kemalangan, kaki saya dihempap kayu balak dan terpaksa dipotong selepas itu."

"Selepas itu sekali lagi dipotong hingga ke pangkal paha apabila doktor mengesahkan saya mengidap penyakit kencing manis yang kronik," ujar Eng Biow ketika ditemui di rumahnya di Taman Daya.

Selain itu beliau turut diserang angin ahmar sehingga menyebabkan anggota sebelah kiri badannya tidak dapat berfungsi dengan normal.

Eng Biow memberitahu, sejak itu beliau hanya menyara kehidupannya dan isteri dari pencer 'ilat' yang diperolehi daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sebanyak RM850 sebulan.

Manakala isterinya tidak berkerja disebabkan memikul tanggungjawab menjaga keperluan dan memberi sepenuh perhatian terhadap suaminya itu.

"Isteri saya juga Orang Kelainan Upaya (OKU), kakinya tak normal seperti orang biasa, umur pun sudah tua, jadi dia cuma jaga saya saja. Nasib baik saya ada dia, boleh jaga saya," katanya lagi.

Menurut Eng Biow, beliau turut menanggung kos rawatan yang agak tinggi setiap kali menjalani pemeriksaan doktor se kali bagi setiap tiga bulan.

Sementara itu menurut Mohamad, dengan bantuan kerusi roda itu beliau berharap dapat memudahkan Eng Biow untuk bergerak ke bilik air dan sebagainya.



**Eng Biow, berharap sumbangan yang diterima dapat memudahkan pergerakan beliau**

## Parit di Taman Indah Perdana siap dibaik pulih

Oleh NAZLI IBRAHIM

PENDUDUK Taman Indah Perdana kini mampu menarik nafas lega apabila masalah perparitan yang tidak sempurna diakhiri dengan siapnya kerja-kerja baik pulih parit yang lebih bersistematis.

Demikian menurut Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Taman Templer, Mohamad Abd Rahman kepada Selangor Kini.

"Sebelum ini, setiap kali hujan lebat air akan naik dengan cepat sehingga memasuki rumah-rumah di sini sebab sistem perparitan yang tidak sempurna."

"Lebih memburukan keadaan, air yang mengalir itu bercampur dengan air dari loji Indah Water berhampiran."

"Sekarang syukur, longkang yang dibaik pulih ini dapat mengalirkan air turun ke parit utama," kata beliau ketika melawat lokasi kerja membaik pulih longkang itu dijalankan.

Menurut Mohamad, penduduk Taman Indah Perdana terpaksa menghadapi masalah banjir kilat dan air busuk dari loji Indah Water ini sejak hampir sepuhl tahun lalu.



**Mohamad sedang meninjau kerja-kerja baik pulih parit**

"Sebenarnya ini bukanlah masalah besar sangat, cuma masalah perparitan tak sempurna sahaja dan boleh diatasi dengan cepat, tetapi masa BN mentadbir dahulu, masalah infrastruktur tak diambil berat."

"Disebabkan Umno-BN dahulu memandang rendah masalah ini, maka penduduk di sini sengsara setiap kali hujan lebat, sedangkan pejabat MCA jaraknya cuma kurang 100 meter sahaja dari sini," ujar Mohamad.

Kerja baik pulih berkenaan memakan belanja RM19,000.

Mohamad turut memberitahu, PKM DUN Taman Templer

**PUSAT KHIDMAT DUN TAMAN TEMPLER**  
No. 20A Jalan 2/16 Bandar Baru Selayang 68100 Batu Caves Tel :03-6137 1388 Fax :03-6137 8488 Mohd Kassim Packiry 013-624 5909 Mokhtar Rozaidi 019-603 6900



mengambil tindakan serta-merta apabila mendapat tahu masalah ini agar kesengsaraan penduduk perumahan terbabit dapat ditamatkan segera.

Ketika wartawan dibawa ke tapak kerja baik pulih tersebut dijalankan, didapati sehelai kain rentang yang tertera ucapannya terima kasih dari penduduk terhadap usaha yang dijalankan PKM Taman Templer.

Menurut dua warga asing pekerja pembinaan projek itu, kain rentang tersebut dinaikkan beberapa penduduk Taman Indah Perdana pada sebelah pagi hari yang sama.

## Banjir kilat 25 tahun bakal berakhir

PENDUDUK Kampung Selayang Baru kini tidak lagi cemas dan bimbang setiap kali turunnya hujan lebat apabila Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor mengambil alih dan menyiapkan projek perumahan Bukit Botak.

Demikian menurut Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dun Taman Templer, Mohamad Abd Rahman ketika melawat kawasan yang sebelumnya sering dilanda banjir kilat bersebelahan tapak pembinaan projek perumahan Bukit Botak.

"Masa projek Bukit Botak terbengkalai, parit-parit di kawasan projek tak siap sepenuhnya menyebabkan air dari kawasan yang ditaruh mengalir deras ke kawasan Kampung Selayang Baru.

"Bila hujan lebat tidak sampai sejam sahaja pun sudah boleh menyebabkan air naik setinggi dua kaki, kadang-kadang lebih dalam lagi."

Menurut Mohamad, projek terbengkalai tinggalan Umno-

BN ini terhenti kira-kira 25 tahun lepas.

"Bila Pakatan menang di Selangor, Kerajaan Negeri serah projek ini kepada anak syarikat Kerajaan Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk siapkan projek ini.

"Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK) sendiri, Mohd Zulkifli Abd Hamid paling banyak bantu kita ketinggalkan masalah banjir kilat ini sehingga diberi perhatian Kerajaan Selangor dan pihak PKNS," kata beliau.

Menurut Mohamad lagi, masalah banjir kilat akhirnya dapat diatasi apabila PKNS menyiapkan pembinaan parit besar berhampiran Jalan 43 pada awal tahun 2011 lalu.

Tinjauan Selangor Kini di Kampung Selayang Baru mendapati masih terdapat beberapa bekas kesan paras air banjir setinggi lebih dua kaki yang pernah melanda kawasan tersebut.



**Pembinaan parit besar awal tahun lalu turut berjaya mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut**

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

SERAMAI 200 orang penduduk menyertai Skuad Sukarelawan Selangorku peringkat DUN Hulu Kelang yang dilancarkan di Dewan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) AU 2A, Taman Seri Keramat di sini, baru-baru ini.

Pengarah program, Helmizan Abdul Karim



**PUSAT KHIIDMAT ADUN HULU KELANG**  
No. 6A Jalan Au 2A/14,  
Taman Seri Keramat, 54200  
Kuala Lumpur  
Tel :03-4260 2205  
Fax :03-4260 2196  
Mohd Helmizan Abd Karim  
013-284 7892  
Muthanna Saari 019-267 6625

# 200 penduduk sertai Skuad Sukarelawan SelangorKu

berkata, tujuan penubuhan skuad ini adalah bagi membantu kerja-kerja kemasyarakatan seperti bantuan bencana alam, penjagaan alam sekitar dan lain-lain.

"Skuad ini diharap dapat membantu masyarakat setempat dengan gerak kerja ketika berlakunya bencana alam seperti banjir dan sebagainya," katanya.

Majlis perlancaran disempurnakan Adun Hulu Kelang, Saari Sungib.

Menurut Saari, slogan 'Sela-

ngorku' mengajak seluruh rakyat Selangor supaya bersama-sama bertanggungjawab terhadap usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri demi kepentingan bersama.

"Ini merupakan program amal kebajikan yang dilakukan DUN Hulu Kelang sebagai membantu usaha yang dilakukan Kerajaan Negeri," katanya.

Dalam suatu majlis berasingan, Skuad Sukarelawan Wanita Selangorku turut dilancarkan khusus bagi membantu golongan wanita di kawasan itu.



**Saari melancarkan Skuad Sukarelawan Selangorku peringkat DUN Hulu Kelang**

## Gotong-royong bersih tanah kubur



**KERJASAMA... Saari turun padang bersihkan kawasan perkuburan**

LEBIH 40 orang penduduk sekitar Keramat AU1 bersama Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang bergabung tenaga membersihkan kawasan Tanah Perkuburan Islam AU1 dekat sini.

Menurut Pengurus Pusat Khidmat DUN Hulu Kelang, Helmizan Abdul Karim, gotong-royong ini antara lainnya dapat merapatkan hubungan silaturrahim sejak ada di kalangan penduduk setempat.

"Program ini dapat mencapai objektif dan mengeratkan lagi jalinan ukhwah antara penduduk dan pada masa yang sama dapat mengingatkan tentang kematian supaya kita sentiasa bersedia," katanya.

Katanya, antara kerja yang dilakukan adalah memotong rumput, mengutip sampah, membersihkan longkang dan sebagainya.

Program ini turut dihadiri Adun Hulu Kelang, Saari Sungib sambil menyifatkan kerja amal ini

berjaya mencapai matlamatnya.

"Saya berterima kasih kepada semua yang terlibat dan semoga usaha yang dilakukan ini mendapat keredaan Allah," katanya.

"Di kampung ini terdapat SAR, cuma ia memerlukan sedikit pembaharuan supaya keadaan lebih selesa memandangkan pengurusan kakitangan sekolah ini agak baik dan sewajarnya ia diteruskan," katanya.

Sehingga kini, sekolah ini mempunyai kira-kira empat orang guru dan kira-kira 50 orang pelajar yang bersekolah pada sesi petang.

Saari berkata, sekolah ini

mempunyai bangunan kayu yang usang serta bangunan batu dua tingkat yang perlu dicat semula.

"Saya cadangkan supaya bangunan kayu ini dirobohkan dan dibina semula supaya anak-anak penduduk di kampung ini tidak perlu bersekolah jauh di luar kawasan," katanya lagi.

Katanya, peruntukan yang

dianggarkan bagi pembaharuan sekolah ini adalah RM150,000.

"Cadangan pembinaan blok baru bangunan ini terkandung dalam Geran Selangorku DUN Hulu Kelang," jelasnya.

Sementara itu, dengan pembaharuan yang dicadangkan ini, imej Kampung Kemensah secara tidak langsung akan bertambah baik.



### SIHAT...

**Seramai 30 orang wanita mendapat Khidmat Refleksologi Percuma anjuran Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang dengan kerjasama Pusat Komuniti Wanita (PKW) Hulu Kelang yang diadakan di Masjid Al-Khairiah, Keramat AU3**

Oleh AFEEQA AFEERA

KLANG - Dalam usaha memperkasakan pembangunan di Klang, Kerajaan Negeri Selangor akan menubuhkan tiga pusat kebudayaan di sepanjang Sungai Klang dengan mengambil kira pandangan rakyat.

Pusat kebudayaan yang merangkumi tiga kaum majoriti, iaitu Melayu, Cina dan India itu bertujuan mengembalikan kegemilangan bandar DiRaja Klang sebagai kawasan bersejarah.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, lokasi bagi ketiga-tiga pusat kebudayaan itu telah dikenal pasti, iaitu Bandar Klang (Taman Kebudayaan Cina), Kampung Pandan (Taman Kebudayaan India) dan Kampung Kuantan (Taman Kebudayaan Melayu).

"Pembinaan pusat kebudayaan di Klang ini adalah sejajar

# Pusat kebudayaan rangsang pembangunan di Klang

dengan misi dan visi kerajaan Selangor untuk menambah baik pembangunan Klang yang agak ketinggalan berbanding daerah lain di negeri ini.

"Ia juga adalah salah satu inisiatif permulaan untuk menunjukkan bagaimana kemajuan di daerah ini dapat dilakukan," katanya.

Abdul Khalid berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Pameran Pusat Kebudayaan Negeri Selangor di AEON Bukit Raja, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Teng Chang Khim dan barisan Exco

Selangor yang terdiri daripada Rodziah Ismail, Elizabeth Wong, Dr Xavier Jayakumar, Teresa Kok, Yaakop Sapari dan Ronnie Liu.

Pameran yang berlangsung selama lima hari bermula 27 Jun hingga 1 Julai itu memperkenalkan warisan kebudayaan sebagai salah usaha untuk menghayati dan mendekati adat resam pelbagai kaum.

Pada majlis sama, kerajaan negeri turut mengedarkan barang soal selidik maklum balas kepada pengunjung untuk diguna pakai dalam menjana penambahbaikan pembangunan di Sungai Klang.



Menteri Besar meninjau penerangan tentang Tamadun Melayu

**CahayaVilla**  
Serdang Heights



**Tanah Rezab Melayu**  
\*Unit untuk Bumiputra sahaja

Rumah Teres 2 Tingkat yang Terbesar di Serdang Heights

**22'x100' Ke atas**  
**PEGANGAN BEBAS DENGAN PENGAWAL KESELAMATAN**

**Talian Jualan: 03-2142 9188**  
[www.cheonghin.com.my](http://www.cheonghin.com.my)



## Ciri-ciri reka bentuk eksklusif Cahaya Villa

- Luas tanah 2200 kaki persegi, luas binaan 2639 kaki persegi.
- Siling tinggi yang bergaya - 15 kaki di bilik tetamu, 13 kaki di bilik tidur utama, 11 kaki di bilik-bilik lain.
- 5 bilik dengan 4 bilik mandi ensuite
- Halaman hadapan yang luas, boleh muat 4 buah kereta.
- Halaman belakang yang lapang, sekurang-kurangnya 18 kaki panjang untuk memenuhi keperluan ahli keluarga yang semakin bertambah dan perluasan akan datang.

Pemaju:  
**CHEONG HIN HOLDINGS SDN. BHD.**, (113365-U)  
4th Floor, Wisma Cheong Hin,  
No. 116-118, Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur.

Satu lagi projek berprestij oleh:  
**CHEONG HIN HOLDINGS SDN. BHD.**, (113365-U)  
4th Floor, Wisma Cheong Hin,  
No. 116-118, Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur.

Nombor lesen percuti Jalan Tempoh Sabah : 773261 - 17/10/2015-11/13/2015/10/07. Nombor permit atan & Justin DW tempoh sahaku : 113365-311080/2011/03/01/4-19/11/2013. Nombor Peruntuk Cahaya Manis Sdn Bhd 65754-U. 4th Floor, Wisma Cheong Hin, No 116-118, Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur. Tel: 03-21429188. Jendela penganggaran awam dan bilik telefon jadi aman. Ahli peruntukan perumahan Cahaya Villa Serdang Heights. Tarikh penganggaran peruntukan awam : Februari 2012. Harga jualan minimum dan maksimum bagi setiap jenama rumah tempoh sahaku RM650,000 - RM1,377,520. Bilangan unit bagi setiap jenama rumah : 44 unit rumah teres 2 tingkat. Nama Pihak Berkuasa PBT yang meluluskan peruntukan : Dan nombor rujukannya : Majlis Perbandaran Subang Jaya. No ruj.: MBS / BGN / UZ-9 / 26.

## Selangor kaji budaya membaca yang lemah

SHAH ALAM - Kerajaan negeri akan mempertimbangkan pertukarkan di bawah Geran Selangorku untuk membuat kajian mengenai budaya membaca yang masih rendah di negeri ini.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, peratusan rakyat Selangor, di mana negeri yang paling maju, tetapi kuasa membeli buku masih rendah, perlu dikenal pasti dan di selesaikan.

"Peratusan yang rendah ini perlu dikaji, adakah rakyat tidak suka membaca? Atau kurangnya kedai yang menjual buku-buku bermanfaat?" katanya ketika merasmikan Hari Ilmu dan Pesta Buku Selangor 2012 di Pusat

Konvensyen Shah Alam (SACC), baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, Abdul Khalid mengambil bahagian dalam '15 Minutes Reading Break' bersama-sama hadirin.

Pesta Buku Selangor kali ke-7 ini berlangsung selama 11 hari, berakhir 9 Julai, dibuka dari pukul 10 pagi hingga 9 malam.

Pada tahun ini, seramai 163 unit gerai buku dengan 79 pemamer mengambil bahagian.

Pada majlis itu, bekas wartawan Utusan Melayu, Said Zahari dinobatkan sebagai tokoh Penulis Selangor 2012. Manakala Prof Datuk Dr Raja Abdullah Yaakob dianugerahkan Tokoh Pustakawan Selangor 2012.



DIDIKAN AWAL... ibu bapa tidak melepaskan peluang membawa anak-anak melawat gerai pameran

# Guna teknologi UPM urus sampah

**SUBANG** - Bagi menangani masalah sampah yang semakin bertambah, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menjalankan kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi memperkenalkan Projek Vermicomposting dan Biogas Anaerobic Digestion.

Projek berkenaan dikendalikan Professor Dr Azni Idris (**gambar**) dari Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan UPM dan Pasar Awam Seri Serdang dipilih sebagai lokasi perintis bagi meletakkan mesin berkenaan.



**Kaedah ini adalah bersifat mesra alam dengan menggunakan cacing tanah yang bertindak memakan sisa buangan organik seperti buah-buahan dan sayuran**

**- DR AZNI IDRIS**

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan

jelaskan, kaedah ini diharapkan mampu mengurangkan beban mengatasi masalah sampah berjumlah 500 tan sampah sehari yang diuruskan pihaknya masa kini

Katanya, idea ini menarik kerana sisa pepejal yang diproses boleh digunakan semula, selain kosnya yang rendah.

Oleh sebab itu lah MPSJ memilih untuk bekerjasama dengan UPM yang mempunyai kepakaran dari segi teknologi dan kemahiran.

"Vermicomposting digunakan untuk memproses bahan buangan bagi dijadikan baja kompos, manakala biogas anaerobic digestion ini dengan menggunakan bahan buangan untuk dijadikan sumber tenaga elektrik untuk kegunaan Pasar Awam, Sri Serdang di Serdang," katanya.

Manakala baja yang dihasilkan ini pula akan diberi semula kepada peniaga dan sebahagiannya digunakan sendiri bahagian landskap MPSJ.

Gas yang dihasilkan melalui proses ini pula akan dijanakan untuk menyalaikan sebahagian lampu yang terdapat di sekitar pasar awam tersebut.

Menurut Dr Azni, kaedah ini adalah bersifat mesra alam dengan menggunakan cacing tanah yang bertindak memakan sisa buangan organik seperti buah-buahan dan sayuran.

"Cacing-cacing ini akan memproses media kotorannya dalam jangka masa yang singkat sekitar hanya 30 hari. Vermicomposting ini juga tidak menyebarkan bau serta pemilihan pasar tersebut juga bersesuaian dan ia tidak akan menyebarkan bau kepada pengunjung. Bermakna inilah teknologi hijau yang mudah untuk dilaksanakan oleh setiap peringkat umur dan seluruh masyarakat," katanya.

Manakala biogas anaerobic digestion pula adalah satu sistem



**Projek Vermicomposting dan Biogas Anaerobic Digestion terdapat di Pasar Awam Seri Serdang**

penjanaan di mana sisa sampah makanan ikan, ayam dan daging dimasukkan ke dalam tangki yang kemudiaari ditutup rapat tanpa membenarkan udara masuk ke dalamnya. Kemudian, bakteria yang di dalam sisa tersebut akan mengeluarkan gas yang dinamakan biogas.

"Bakterai tersebut akan mengurai sampah dan terjadi lah proses metagenesis sehingga mengkonversi menjadi gas methane (CH<sub>4</sub>). Dalam projek yang dilaksanakan ini terdapat dua tangki dengan muatan 10 ribu liter dan kemudian dijanakan gas tersebut hingga mampu menyalaikan satu enjin dengan kapasiti dua kilowatt," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua MPSJ, Datuk Asmawi Kasbi men-



**JELAJAH...** Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengadakan Program Amal Konvoi Motor Belia Petaling Jaya ke Sabak Bernam. Seramai 100 orang belia sekitar Petaling Jaya mengambil bahagian. Datuk Bandar Petaling Jaya, Datuk Roslan Sakiman, menyempurnakan upacara pelepasan peserta yang mulakan destinasi pertama mereka ke Rumah Insaniah Tun Dr Siti Hasmah, untuk memberikan sumbangan barang keperluan harian

## Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

### MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1-800-22-8100

### MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Tel : 03-6064 1331 SMS : taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. untuk semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

### MAJLIS PERBANDARAN KLANG

[www.mpklang.gov.my](http://www.mpklang.gov.my)

Kutipan Sampah

Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);

Klang Selatan: 016-2506796 (Razif )

Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)

Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);

Klang Selatan: 016-3824471(Loganathan)

Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

### MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

[www.mdkl.gov.my](http://www.mdkl.gov.my) Tel: 03-3187 2825

SMS: Taip "MDKL ADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

### MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

[www.mdks.gov.my](http://www.mdks.gov.my) Tel: 03-3289 1439

### MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

[www.mdsb.gov.my](http://www.mdsb.gov.my) Tel: 03-3224 1655 / 1000

### MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

[www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my)

Bebas tol: 1800-22-2677 Tel: 03 - 6120 8953

### MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

[www.mpsepang.gov.my](http://www.mpsepang.gov.my) Tel: 03-8319 0200 / 0300

### MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

[www.mbsa.gov.my](http://www.mbsa.gov.my)

Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

### MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

[www.mpsj.gov.my](http://www.mpsj.gov.my)

Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

### MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)

Tel: 03-7954 2020 (24-jam hotline) / 03-7956 3544 (am)

SMS: Taip "MBPJ ADUAN [ aduan ]" dan hantar ke 33213





## MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

**TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR**  
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)  
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741, Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

**SKIM MESRA USIA EMAS**  
Rantai Mesra Sdn Bhd, Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455  
emel: mesrausiaemas@gmail.com

**HADIAH ANAK MASUK IPT** Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan S.S.A.S, 40503 Shah Alam  
Tel: 03-55447385 atau 03-55212275 Faks: 03-55104095 atau 03-55110659

**PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN**  
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Selangor  
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736 email : info@semesta.com.my  
Laman Web : www.semesta.com.my

**TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG**  
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam  
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618. Faks : 03-5510 6678

**PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)**  
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi  
Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622. Faks : 5519 3304

**BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU**  
Kumpulan Darul Ehsan Berhad, 16th - 17th Floor, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977  
Emel: communications@kdeb.com

**SKIM KESIHATAN WANITA**  
Rantai Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455  
Laman Web <http://www.e-mesra.org.my>

**PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)**  
Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20, Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617  
Laman Web <http://www.mimbarselangor.org>

**SKIM MIKROKREDIT SELANGOR**  
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 4000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-55447104/ 03-55191692/ 03-55212312 Fax : 03-551055829  
Laman Web <http://www.skimsel.com>

**PUSAT DIALISIS RAKYAT**  
Rantai Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455  
Laman Web <http://www.e-mesra.org.my>

**PUSAT TUISYEN RAKYAT**  
Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40000 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-5544 7480/7481/7482/7543 Faks: 03-55104095/ 55135564/ 55447391  
Blog <http://tuisyenrakyat.blogspot.com>

# Pelajar pinjaman dapat beraswa jika capai CGPA 3.75



**BANGGA... sebahagian daripada pelajar yang mendapat pinjaman daripada Kerajaan Negeri**

Oleh AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Pelajar yang mendapat pinjaman pelajaran Selangor berpeluang menukar status pinjaman kepada beraswa sekiranya mereka berjaya mendapat CGPA 3.75 dan ke atas selepas tamat pengajian.

Manakala mereka yang memperoleh CGPA antara 3.5 hingga 3.75 hanya perlu membayar 75 peratus daripada nilai pinjaman.

Berita baik ini diumumkan Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali pada majlis Penyerahan Dokumen Perjanjian Pinjaman Pelajaran

Kerajaan Selangor.

Menurut Dr Halimah, ini bagi menggalakkan pelajar supaya belajar dengan lebih tekun dan memberikan sepenuh perhatian kepada pengajian.

Pinjaman yang diberikan ini merupakan pinjaman tanpa faedah yang dapat meringankan beban pemohon dalam membuat bayaran semula selepas tamat pengajian.

"Kita cuba galakkan pelajar capai CGPA 3.75 kerana kerajaan Selangor bukan sahaja tidak mahu adik-adik membayar (semula), bahkan



menukar semula pinjaman itu kepada beraswa. Bila dapat CGPA 3.75 tidak perlu bayar langsung.

Dalam pada itu, raut gembira terpancar pada wajah penerima pinjaman yang melahirkan rasa terima kasih atas keprihatinan kerajaan Selangor.

Pelajar Universiti Selangor (Unisel), Muhammad Shazril Ahmad Shukri (**gambar**) melihat perkara ini sebagai satu inisiatif yang baik memandangkan sebelum ini Unisel terlibat dengan kontroversi pemberian pinjaman Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) kepada pelajar.

Katanya, kadar faedah yang tinggi seperti yang dikenakan PTPTN nyata membebankan pelajar.

"Ini merupakan kali kedua saya dapat pinjaman yang sama. Sebelum ini saya dapat pinjaman pada peringkat diploma," katanya.

Bagi penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM), Afifah Aqilah Alias Khosnan (**gambar**), 20, pemberian pinjaman ini merupakan satu langkah baik dan beliau tidak perlu membuat pinjaman daripada PTPTN yang mengenakan faedah tinggi.

## INFO

- CGPA 3.75 dan ke atas mendapat beraswa
- CGPA 3.50 hingga 3.75, bayar 75 peratus sahaja

### Dari Tahun 1987 sehingga kini

- RM140,080,168 juta diberikan kepada 15,580 peminjam
- Untuk tahun 2012, kuota penerima ditingkatkan kepada 2,000 orang
- Sesi pertama menyaksikan sebanyak RM4,382,300 juta diagih kepada 737 orang peminjam
- Sesi kedua akan diadakan pada bulan Ogos

# Penjawat awam perlu tingkat prestasi

Oleh AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Penjawat awam di Selangor, disaran meningkatkan prestasi dan mutu kerja sebagai persediaan bagi menggerakkan ekonomi dan pembangunan negeri yang lebih baik, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Menurut Abdul Khalid, perubahan dari segi tatacara dan kualiti kerja memainkan peranan penting untuk membolehkan sebuah negeri itu diiktiraf sebagai negeri maju dan berdaya saing.

Beliau berkata, penerapan budaya prestasi bekerja yang tinggi ditambah dengan pengetahuan kemahiran yang luas akan menjana penyampaian perkhidmatan cemerlang.

"Warga kerja mesti melengkapkan diri dari segi memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan supaya dapat menggerakkan pembangunan negeri. Dalam usaha ke arah itu, kita perlu mengenali dan memahami kehendak pelanggan terlebih dahulu supaya segala permasalahan dapat diselesaikan secara berhemah," katanya.

Abdul Khalid berkata demikian dalam ucapannya sempena Majlis Anugerah



Perkhidmatan Cemerlang Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) Tahun 2011 di De Palma Inn, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohammed Khusrin Munawi.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini merupakan penghargaan kerajaan negeri kepada anggota penjawat awam yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang di mana mutu atau penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa

bagi jawatannya.

Seramai 123 penjawat awam dari lima jabatan menerima anugerah tersebut antaranya, Pejabat SUK, Perbendaharaan Negeri Selangor, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Lembaga Harta dan Perumahan Negeri Selangor serta Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat).

Turut berlangsung, pemberian sijil penghargaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) 2011, pentauliahuan ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (Akrab) serta penyampaian watikah pelantikan mentor dan menti.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
6 - 13 JULAI 2012 16 - 23 SYAABAN 1433							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
6 Jumaat	05:36	05:46	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
7 Sabtu	05:36	05:46	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
8 Ahad	05:36	05:46	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
9 Isnin	05:37	05:47	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
10 Selasa	05:37	05:47	7:10	1:21	4:46	7:30	8:45
11 Rabu	05:37	05:47	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45
12 Khamis	05:37	05:47	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45
13 Jumaat	05:38	05:48	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
6 Jumaat	5:38	5:48	7:11	1:23	4:48	7:32	8:47
7 Sabtu	5:38	5:48	7:11	1:23	4:48	7:32	8:47
8 Ahad	5:38	5:48	7:11	1:23	4:48	7:32	8:47
9 Isnin	5:39	5:49	7:11	1:23	4:48	7:32	8:47
10 Selasa	5:39	5:49	7:12	1:23	4:48	7:32	8:47
11 Rabu	5:39	5:49	7:12	1:24	4:48	7:32	8:47
12 Khamis	5:39	5:49	7:12	1:24	4:48	7:32	8:47
13 Jumaat	5:40	5:50	7:12	1:24	4:48	7:32	8:47

dari muka 16

## Buktikan Umno-BN telus

"Saya juga desak Umno Tanjong Karang bayar nilai premium sebenar tanah itu.

"(Atau) sekurang-kurangnya diberi potongan 30 peratus. Atau kembalikan tanah itu semula kepada Kerajaan Negeri bagi membuktikan Umno itu berintegriti, berwibawa dan cakap serupa bkin," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Sulit Pejabat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Jasman Anuar, ketika dihubungi berjanji akan memberikan komen berhubung isu 'diskaun' premium tanah setinggi 95 peratus yang diperolehi Umno Tanjung Karang.

"Saya tak tahu menahu tentang isu ini, jadi saya tak dapat nak bagi komen apa-apa buat

masa ini.

"Saya periksa dahulu isu ini dan saya akan hubungi anda kemudian," ujarnya.

Ketika berita ini ditulis, Jasman masih belum menghubungi meja berita Selangor Kini.

Beigitu juga usaha menghubungi Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor, Datuk Jaafar Maahad, juga menemui kegalahan apabila diberitahu beliau sedang bermesyuarat.

Menurut salah seorang Pegawai Penyiasat Kanan SPRM Selangor yang enggan namanya disebut, hanya Pengarah SPRM sahaja yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan sebarang kenyataan kepada media.



## KENYATAAN TENDER JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembentahan)**	Taraf/Jenis Syarikat *	Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahau, JKR Negeri Selangor	MENAICKARAF JALAN B48 DARI SIMPANG TIGA JENDERAM KE PEKAN SEPANG LAMA (FASA 1) DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN  No. Tender: JKR/SEL/(N)047(T)/2012	Bumiputera T1	PKK Kelas : A Kepala : I & IV Sub Kepala: I(1) & IV(1,2b, 3b,3c,d & 8)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan JKR Selangor Shah Alam.  Pada 09/07/2012 (Isnin) hingga 23/07/2012 (Isnin).  Dan (CIDB)  <b>Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor</b>	<b>RM880.00 (Money Order/Bank Deraf)</b>  Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor  Waktu Urusniaga Isnin-Khamis 8.00-12.00tgh. 2.00ptg-4.00ptg  Jumaat: 8.00pg-11.00tgh. 2.45ptg- 4.00ptg	Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tkt. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor  Pada: 31/07/2012 (Selasa) Sebelum/Pada Jam 12.00 tgh.  Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan

Lawatan tapak digalakkan. Sebarang pertanyaan sila berhubung di pejabat JKR Bahagian Jalan di talian 03 55447800 dan Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan Bahan JKR Selangor di talian 03 55447755

Dokumen Meja Tender boleh diseram dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat di Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor bermula 05/07/2012 (Khamis).

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa PERAKUAN PENDAFTARAN ASAL LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN ATAU KAD PERAKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN dan SIJIL PENDAFTARAN ASAL PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR / KEMENTERIAN KEWANGAN dan Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera. Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat di dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Bank Draft/Wang Pos/Kiriman Wang Pos sahaja.\*

\* Jenis Syarikat Tempatan  
T1 - Syarikat 100% milik tempatan  
A1 - Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, Pengurus dan pekerja adalah 100% warganegara.

A2 - Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

\*\* Pembentahan  
(i) Pinjaman Bank Dunia  
Tender adalah juga dibuka kepada pentender-pentender yang berminat daripada negara-negara Bank Dunia dan Taiwan China  
(ii) Bank Pembangunan Asia  
Tender adalah terbuka kepada pentender-pentender yang berminat daripada negara-negara anggota Bank Pembangunan Asia.


## DAPATKAN Selangor Kini

• Pejabat Adun /Pusat Khidmat Wakil Pakatan Rakyat



- Pejabat Penyelaras DUN
- Masjid Semasa Solat Jumaat
- Pejabat Penghulu
- Surau - surau Terpilih

E-paper Selangor Kini boleh dibaca di [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)



## Umno bela kroni, Kerajaan Negeri rugi RM1.088 juta

Oleh NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Sikap mendahuluikan kroni berbanding rakyat menyebabkan Kerajaan Selangor Umno-BN dahulu rugi sehingga RM1.089 juta daripada hasil jualan tanah yang boleh disalurkan kepada program rakyat.

Adun Sekinchan, Ng Sue Lim mendedahkan, kerugian tersebut berpunca daripada potongan bayaran premium terhadap sebidang tanah berkeluasan 47,000 kaki persegi yang dijual kepada Umno Tanjong Karang.

Lebih sedih lagi, menurut Ng Sue Lim, penjualan tanah itu kepada Umno Tanjong Karang dibuat dengan diskau 95 peratus.

Manakala, kebiasaan rakyat hanya mampun mendapat diskau 30 hingga 50 peratus untuk tanah yang sama.

"Tanah itu diluluskan pada ketika itu kepada Umno Tanjong Karang dengan premium tanah RM24 satu kaki persegi.

"Kemudian Umno Tanjong Karang membuat rayuan pada 2002 dan premium tanah itu dikurangkan oleh Majlis Exco dari RM24 kepada RM1.

"Sedangkan pada masa itu, tanah tersebut diluluskan dengan nilai premium RM1,135,824.

"Selepas dikurangkan, bayaran premium yang perlu dibayar oleh Umno Tanjong Karang hanyalah RM47,039. Ini merupakan pengurangan lebih 95 peratus dari RM1,135,824," kata Sue Lim.

Beliau berkata demikian di dalam satu

**Bayaran premium RM1 hanya boleh dinikmati pemilik tanah berstatus pertanian, kampung baru dan kampung tradisional, bukannya tanah perniagaan seperti yang dibeli Umno Tanjong Karang**

- NG SUE LIM  
Adun Sekinchan

sidang akhbar yang diadakan di Hotel Grand Dorsett, Subang Jaya selepas Dialog Bajet Selangor 2012.

Menurut beliau, amalan Kerajaan Negeri Umno-BN ketika itu menetapkan diskau maksima yang boleh diberikan terhadap rayuan pengurangan premium adalah sekitar 30 hingga ke tahap maksima 50 peratus.

Selain itu menurut Ng Sue Lim, bayaran premium RM1 hanya boleh dinikmati pemilik tanah berstatus pertanian, kampung baru dan kampung tradisional, bukannya tanah perniagaan seperti yang dibeli Umno Tanjong Karang.

"Oleh itu saya mendesak Umno Tanjong Karang yang diketuai Ahli Parlimennya dan juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar untuk jelaskan kepada rakyat.

Lihat muka 15



**SYUKUR...** penyanyi popular era 60-an, Datuk Jefrydeen Imbrom Soekaman atau lebih dikenali sebagai Jefrydin, menerima Surat Hakmilik Tanah daripada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim. Beliau merupakan antara 20 penerima di Kampung Melayu Subang Tambahan yang menetap di kampung itu sejak 1996. BERITA PENUH MUKA 6

Untuk informasi & berita terkini  
Layari [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)

**mediaselangorku**